

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 25 NOVEMBER 2015 (RABU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Sains, teknologi bidang paling kritikal	Utusan Malaysia
2.	Minister urges media to help explain TPPA	The Star
3.	Sentiasa jaga keselamatan identiti	Harian Metro
4.	Agih 15,000 MOPAR	Harian Metro
5.	Edar 15,000 unit Mopar di Pusat Pemindahan Banjir	BERNAMA
6.	Amaran peringkat kuning	Harian Metro
7.	Persiapan lebih rapi berdepan kemungkinan bah besar	Berita Harian
8.	Nafas peruntuk RM1juta bantu mangsa banjir tahun ini	BERNAMA
9.	Kemaman prepared to face flood season	The Star
10.	Fix root causes of flash floods	The Star

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 14
TARIKH : 25 NOVEMBER 2015 (RABU)



ZULKIFLI MOHAMED HASHIM (dua dari kiri) diiringi oleh Makio Miyagawa (kiri) menyampaikan anugerah kepada Prof. Dr. Ailen Tan Shou Hwai dalam Majlis Penyampaian Hadiah Yayasan Sains Toray Malaysia Ke-22 di Kuala Lumpur, semalam.
- UTUSAN/GHAZALI BASRI

Sains, teknologi bidang paling kritikal

KUALA LUMPUR 24 Nov. - Bidang sains dan teknologi di negara ini merupakan antara sektor paling kritikal yang perlu mendapat perhatian secara berterusan dan menyeluruh daripada pelbagai pihak.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau berkata, keadaan itu bagi memastikan perkembangan bidang tersebut selaras dengan kepentingannya kepada rakyat.

"Keupayaan untuk menjana pengetahuan baharu dan harta intelek menerusi penyelidikan dan pembangunan akan menjadi satu daripada isu kritikal kepada Malaysia, lebih-lebih lagi dalam usaha mencapai status negara maju menjelang 2020.

"Bidang sains dan teknologi mencatatkan perkembangan yang semakin menggalakkan dari semasa ke semasa. Namun, keadaan itu

tidak akan memberi impak yang besar kepada negara jika masih tidak mampu menghasilkan golongan saintis bertaraf dunia. Sehubungan itu, kerajaan akan memastikan pelbagai usaha dilakukan bagi meningkatkan jumlah tenaga kerja dalam sektor berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam Majlis Penyampaian Hadiah Yayasan Sains Toray Malaysia (MTSF) Ke-22 di sini hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Sains) kementerian, Datuk Dr. Zulkifli Mohamed Hashim dan majlis itu turut dihadiri Pengerusi MTSF, Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Omar Abdul Rahman dan Duta Jepun ke Malaysia, Dr. Makio Miyagawa.

Mengulas lanjut, Madius menyatakan bahawa Malaysia menyasarkan untuk melahirkan 70 saintis bagi

setiap 10,000 tenaga kerja dalam pelbagai bidang menjelang 2020.

Jelas beliau, sasaran itu boleh dicapai sekiranya rakyat negara ini berani serta minat mencemburkan diri dalam bidang sains dan teknologi yang sentiasa berubah mengikut peredaran masa.

Majlis tersebut menyaksikan sebanyak 22 orang terdiri daripada guru, penyelidik dan saintis dari pelbagai institusi menerima pengiktirafan daripada MTSF.

Terdapat tiga kategori hadiah iaitu Anugerah Sains Pendidikan, Geran Penyelidik Sains dan Teknologi dan Anugerah Sains dan Teknologi.

Kesemua penerima dipilih berdasarkan sumbangan mereka di dalam bidang sains dan teknologi selain membawa pulang hadiah berjumlah RM2,000 hingga RM30,000 mengikut kategori masing-masing.

Minister urges media to help explain TPPA

KUALA LUMPUR: The press has a role to play in making sense of the Trans-Pacific Partnership Agreement (TPPA) to the public, said Science, Technology and Innovation Minister Datuk Seri Madius Tangau.

He said thousands of small businesses that did not meet international standards would face challenges once the TPPA kicked in.

"This is where a picture from the media is most needed to tell the story about how important certification is," he said at a Media Challenge event on Monday night.

The event also saw journalists being presented prizes for science articles written during the ministry's Commercialisation Conference and Exhibition (MCCE) 2015.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (HATI) : MUKA SURAT H16
TARIKH : 25 NOVEMBER 2015 (RABU)

Oleh Yusliza Yakimir Abd Talib
 yusliza@metro.com.my

Bayangkan jika kita disapa orang tidak dikenali yang mengetahui hampir segala-galanya mengenai kita baik aktiviti seharian hinggalah maklumat peribadi termasuk tempat tinggal atau di mana kita berada, tentu ia menakutkan, bukan?

Namun, sedarlah kita bahawa semua maklumat itu sebenarnya 'didedahkan' oleh kita sendiri menerusi laman sosial seperti Facebook dan Instagram tanpa menyedari kita sedang menjerumuskan diri dan keluarga dalam ancaman jenayah siber.

Mungkin sesetengah orang beranggapan tetapan privasi yang terhad kepada keluarga atau orang yang dikenali saja sudah menjamin keselamatan maklumat peribadi mereka, sebaliknya adakah kita yakin bahawa semua rakan dalam rangkaian laman sosial itu benar-benar kita kenali?

Jika penulis sebelum ini begitu yakin dan berasa selamat ketika berada dalam talian kerana sudah menetapkan privasi di laman sosial, namun eksperimen yang dilakukan ketika mengiku-

ti Eksperimen Keselamatan Sosial Internet Digi CyberSAFE yang dianjurkan Digi Telecommunications Sdn Bhd (Digi) dan CyberSecurity Malaysia (CyberSecurity), baru-baru ini sempena Pameran Sains Kejuruteraan Kuala Lumpur (KLEEF), nyata mengubah pandangan penulis mengenai keselamatan siber.

Eksperimen sosial itu diadakan bagi memupuk kesedaran masyarakat terutama ibu bapa mengenai kepentingan keselamatan identiti dalam talian di semua platform media sosial.

Eksperimen dilakukan melalui sesi bacaan minda menggunakan gimik teknologi canggih yang kononnya boleh membaca memori dan corak pemikiran peserta dengan denyut nadi. Selain itu, beberapa soalan peribadi diajukan pengendali semasa sesi berkenaan di mana peserta perlu menjawab ya atau tidak (dalam hati) pada beberapa pilihan jawapan.

Ketika eksperimen, agak menimbulkan tanda tanya apabila pengendali mengajukan soalan yang bersifat terlalu peribadi dan hampir mendedahkan semua butiran peribadi penulis termasuk bertanya sama ada nama



DEMONSTRASI jenayah siber berikudirumah

FOTO: OWEE AN CHUN

SENTIASA JAGA keselamatan identiti

Penjenayah siber cari maklumat pengguna melalui akaun media sosial digunakan mereka



PESERTA diminta meletakkan tangan untuk 'bacaan minda'



PHILIP menunjukkan program keselamatan Internet di gerai Digi

kucing peliharaan adalah sama seperti yang mereka sebutkan.

Di sebalik tirai, rupanya beberapa pakar daripada CyberSecurity mengumpul dan mencari maklumat peserta melalui akaun media sosial mereka.

Realitinya, itulah hakikat yang semua perlu akui bahawa betapa mudahnya maklumat mengenai diri sendiri, anak dan keluarga diketahui orang luar.

Eksperimen berakhir dengan sesi taklimat mengenai kesedaran keselamatan dalam talian, dengan penekanan terhadap cara mengukuh dan memastikan keselamatan identiti dalam talian dan aktiviti media sosial.

Pengurus Program Kestarian Digi, Philip Ling berkata, ketika kebanyakan orang mahu percaya bahawa Internet adalah selamat dan boleh dipercayai, mereka ti-



MUSTAFA

siko dalam talian.

Naib Presiden Bahagian Pembangunan Kapasiti dan Jangkauan CyberSecurity, Lt Kol (B) Mustafa Ahmad pula berkata, memandangkan pengguna Internet di Malaysia terus menjadi mangsa penipuan dan kecurian identiti maklumat peribadi kerana kekurangan pengetahuan mengenai keselamatan siber, pihaknya ingin melakukan pemeriksaan realiti melalui pengalaman eksperimen sosial berkenaan.

"Ia amat memberi manfaat dalam mewujudkan kesedaran betapa pentingnya untuk melindungi dan memiliki identiti dalam talian yang selamat," katanya.

Antara aktiviti yang dianjurkan di gerai Digi termasuklah penerangan mengenai buli siber, hendap siber dan 'grooming' siber melalui lakonan pendek yang dilakukan secara langsung.

Dalam pada itu, Digi tu-

dak menyedari maklumat peribadi amat mudah diakses tanpa perlindungan privasi yang betul.

Justeru, katanya, eksperimen sosial itu penting untuk memberi impak kepada masyarakat dan mencetuskan lebih kesedaran terhadap risiko Internet kerana Digi percaya pentingnya pemerksaan warga digital yang lebih berdaya tahan terhadap ri-

SAMBUNGAN...
HARIAN METRO (HATI) : MUKA SURAT H17
TARIKH : 25 NOVEMBER 2015 (RABU)

rut menjalin kerjasama dengan Dana Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) bagi melancarkan panduan ibu bapa bertujuan membantu mereka supaya tidak hanya memahami dan memblasakan diri dengan persekitaran media sosial semasa, tetapi juga mengenali potensi risiko dan penyelesaian pencegahan untuk setiap saluran media popular.

Paling penting, panduan itu turut menyediakan perbualan mengenai pelbagai topik yang ibu bapa boleh gunakan bagi membuka perbincangan mengenai penggunaan Internet yang selamat dan bertanggungjawab dengan anak masing-masing.

Panduan ini untuk ibu bapa yang tidak biasa dengan Internet, keliru dan meragui pembabitan anak mereka dalam talian, juga ibu bapa yang serba tahu Internet dan ingin tahu lebih banyak mengenai keselamatan dan aktiviti dalam talian anak mereka.

Panduan Ibu Bapa, Cara Untuk Berbincang Tentang Internet Dengan Anak-Anak Anda itu yang boleh didapati dalam bahasa Inggeris, Melayu dan Cina turut menggunakan kisah hidup sebenar mengenai risiko yang mungkin boleh berlaku dalam talian. Ia boleh dimuat turun di digi.com.my/digicybersafe atau safeinternet.my.

“Bersama Digi, kami berharap panduan ini akan menjadi alat untuk ibu bapa memupuk warga digital masa depan yang menggunakan teknologi secara positif untuk kebaikan sosial”

PHILIP

Sementara itu, Ketua Komunikasi UNICEF Malaysia, Soraya Bermejo berkata, inovasi teknologi telah maju dengan cara yang belum pernah terjadi sebelumnya sepanjang dekad yang lalu.

“Kami percaya apabila teknologi digital digunakan dengan selamat, ia boleh memberi kanak-kanak dan belia peluang untuk membuat perbezaan dan menyuarakan kebimbangan dan pendapat mereka.”

“Bersama Digi, kami berharap panduan ini akan menjadi alat untuk ibu bapa memupuk warga digital masa depan yang menggunakan teknologi secara positif untuk kebaikan sosial,” katanya.

Ling berkata, sejak beberapa tahun lalu, Digi dengan kerjasama beberapa agensi lain sudah mengeluarkan beberapa buku panduan mengenai keselamatan Internet untuk menyebarkan kesedaran dan tip keselamatan penggunaan Internet bagi kanak-kanak.

Justeru, katanya, pendedahan baru dalam buku panduan ini akan memberi kuasa kepada ibu bapa untuk memainkan peranan yang lebih aktif dalam memastikan keselamatan anak mereka di dunia maya.

“Ini juga sebahagian daripada usaha kami untuk memupuk pengguna celik Internet dari kecil dan melengkapkan mereka dengan pengetahuan asas dan alat untuk kekal selamat dalam talian,” katanya.

Hasil Kajian Kebangsaan Keselamatan Internet Dalam Kalangan Kanak-Kanak Sekolah Malaysia 2014 mendedahkan:


- 40 peratus tidak tahu cara melindungi diri mereka dalam talian.
- 83 peratus terdedah kepada risiko dalam talian disebabkan langkah perlindungan yang minimum.
- 70 peratus tidak mengambil berat mengenai pencerobohan privasi atau ketanpamaan orang yang mereka berinteraksi.
- Lebih 40 peratus mengatakan keselamatan dalam talian adalah penting tetapi hanya mengambil langkah perlindungan yang rendah.

Kesedaran tidak semestinya dituruti dengan tindakan positif.

- Lebih 70 peratus melakukan pelbagai bentuk gangguan dalam talian seperti memanggil seseorang dengan nama yang tidak disukai dan menghantar mesej atau gambar yang tidak sopan.
- 64 peratus merasakan menghantar SMS atau gambar yang tidak sopan dengan menggunakan nama samaran bukanlah buli siber.
- 26 peratus pernah mengalami buli siber, kebanyakan mereka berumur 13 hingga 15 tahun.
- Lebih 50 peratus melayari talian tanpa pemantauan dan 40 peratus mendakwa mereka tidak terikat dengan sebarang undang-undang keselamatan siber.
- 61 peratus kanak-kanak mengadu kepada ahli keluarga apabila menghadapi pengalaman negatif dalam talian.
- 6 peratus memilih untuk berdiam diri apabila dibuli walaupun mempunyai pilihan melaporkannya kepada ahli keluarga, pendidik atau pihak berkuasa.



PHILIP (kanan) berbincang mengenai buku panduan ibu bapa bersama Mustafa (tengah) dan Soraya.



DEMONSTRASI bagaimana buli siber berlaku.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 15
TARIKH : 25 NOVEMBER 2015 (RABU)

JKM agih 15,000 MOPAR

Putrajaya: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mengagihkan 15,000 pembahagi ruang mudah alih (MOPAR) kepada pusat pemindahan banjir di seluruh negara sebagai persediaan menghadapi musim tengkujuh.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Rohani Abdul Karim berkata, penggunaan pembahagi ruang itu bagi keselesaan kepada mangsa yang ditempatkan di 5,152 pusat pemindahan di seluruh negara.

Menurutnya, proses penghantaran MOPAR sedang dilakukan dan diserahkan kepada semua pusat pemindahan sepenuhnya sehingga Disember ini.

"Pembahagi ruang mudah alih ini direka cipta tahun lalu untuk menyediakan ruang privasi dan keselesaan kepada mangsa bencana dan kita menggunakannya sejak banjir tahun lalu.

"Ia akan membahagi ruang yang luas seperti dewan dan stadium kepada ruang lebih kecil antaranya untuk solat, menyusu bayi, menyalin pakaian, tidur selain pemeriksaan kesihatan, rawatan, pengasingan pesakit dan penyimpanan stok," katanya pada sidang media selepas penyampaian hadiah Hari Inovasi 2015 JKM di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Datuk Zulkiply Ramli.

Rohani berkata, pembahagi ruang mudah alih itu dihasilkan dengan usaha sama antara **Technologi Park Malaysia (TPM)** dengan Bahagian Kebajikan Produktif JKM.

Berhubung situasi banjir, beliau berkata, seramai 6,448 petugas JKM yang sudah menjalani latihan simulasi akan digerakkan di seluruh negara sekiranya berdepan dengan bencana berkenaan.

"Selain itu, kita mempunyai 5,258 sukarelawan terdiri daripada orang awam yang sudah berdaftar dan melalui latihan simulasi dengan JKM akan digerakkan sekiranya berlaku banjir.

"Malah, kita turut menyediakan 64 kaunselor serta akan ditempatkan di semua pusat pemindahan," katanya.

Terdahulu, beliau menyampaikan hadiah piala dan wang tunai RM5,000 kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Terengganu selepas diumumkan johan keseluruhan Anugerah Inovasi JKM 2015.



JKM Edar 15,000 Unit Mopar Di Pusat Pemindahan Banjir

PUTRAJAYA, 24 Nov (Bernama) -- Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan mengedarkan 15,000 unit 'Mobile Flexible Partition' (Mopar) iaitu pembahagi ruang mudah alih yang berfungsi menyediakan ruang privasi untuk individu sebagai persediaan menghadapi banjir.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim berkata penghantaran Mopar ke pusat-pusat pemindahan banjir di seluruh negara dijangka selesai menjelang 1 Dis.

"Mopar membahagikan ruang yang luas seperti dewan dan stadium kepada ruang yang lebih kecil untuk tidur, solat, menyusukan bayi, pemeriksaan kesihatan, rawatan dan pengasingan pesakit serta memudahkan pegawai bertugas memantau mangsa banjir," katanya selepas merasmikan Hari Inovasi JKM 2015 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya di sini hari ini.

Mengulas lanjut mengenai persediaan banjir, Rohani berkata seramai 5,258 sukarelawan sudah diberikan latihan simulasi dan bersiap-sedia untuk dikerah apabila berlaku bencana banjir.

"Seramai 6,648 warga kerja JKM sudah menjalani simulasi untuk menghadapi kemungkinan banjir dengan 164 kaunselor JKM bersedia untuk memberikan khidmat di pusat-pusat pemindahan banjir," katanya.

Mengenai Mopar yang akan diedarkan di pusat pemindahan banjir, Rohani menjelaskan inovasi berkenaan telah memenangi Anugerah Inovasi Sosial JKM 2014 selain turut memenangi pingat gangsa pada 43rd International Exhibition of Inventions of Geneva yang disertai 752 pempamer dari 48 negara dengan 1,000 inovasi pada April lepas.

Mopar merupakan reka cipta hasil usahasama di antara Bahagian Kebajikan Produktif, Ibu Pejabat JKM dengan [Technology Park Malaysia](#), katanya.

Justeru, beliau berharap kejayaan yang diraih Mopar akan menjadi perangsang untuk warga JKM supaya lebih berinovasi pada masa akan datang.

Pada majlis hari ini, JKM Negeri Terengganu menjadi johan keseluruhan Anugerah Inovasi JKM.

-- BERNAMA

Lega ramalan tak berlaku

Kuala Selangor: Penduduk yang terjejas akibat banjir di daerah ini menarik nafas lega apabila ramalan gelombang kedua air pasang besar yang dijangka malam kelmarin dan semalam tidak berlaku.

Fenomena berkenaan di ramalkan Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) dengan ketinggian ombak boleh mencecah setinggi lima meter di kawasan perairan Selangor ekoran luruan angin Monsun Timur Laut.

Pegawai Daerah Kuala Selangor merangkap Pengerusi Bencana Daerah Shamsul Shahril Badlisza Mohd Noor berkata, pihaknya bersyukur kerana tidak berlaku fenomena air pasang besar seperti diramalkan.

"Mungkin fenomena itu tidak berlaku di sini, tetapi di kawasan lain, namun kita masih belum mendapat sebarang maklumat dan masih dalam keadaan berjaga-jaga."

"Semalam (kelmarin) terdapat penambahan jumlah penduduk dan satu lagi pusat pemindahan di Kampung Asahan, Bestari Jaya terpaksa dibuka untuk menempatkan mangsa selepas kawasan berkenaan dinaiki air."

"Penambahan mangsa bagaimanapun tiada kaitan dengan fenomena air pasang besar, tetapi kerana berlakunya limpahan air sungai Selangor ke kawasan rendah," katanya di sini, semalam.

Shamsul berkata, jumlah itu menjadikan seramai 601 penduduk membabitkan 128 keluarga berada di tujuh pusat pemindahan banjir di daerah ini sehingga jam 4 petang semalam.

Katanya, Sekolah Kebangsaan (SK) Parit Mahang masih mencatatkan jumlah mangsa banjir tertinggi yang mempunyai 388 orang daripada 72 keluarga.

Menurutnya, baki mangsa ditempatkan di pusat pemindahan di Masjid Simpang 3 Jeram, Balai Raya Kampung Bukit Chera, Balai Raya Kampung Bukit Kuching, Balai Raya Kampung Bukit Hijau dan Surau Ladang Tuan Mee.

“Semalam terdapat penambahan jumlah penduduk dan satu lagi pusat pemindahan di Kampung Asahan dibuka”

Shamsul Shahril Badlisza

PENDUDUK mengalirkan makanan dan haiwan ternakan ke kawasan yang selamat di Kampung Asahan.



AMARAN PERINGKAT KUNING

■ Jangkaan hujan lebat di Pahang, Terengganu, Kelantan bermula esok

Oleh Intan Mas Ayu Shahimi
imas@metro.com.my
Kuala Lumpur

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) semalam mengeluarkan amaran peringkat kuning bagi negeri-negeri di pantai timur berikutan jangkaan hujan sederhana lebat bermula esok Khamis sehingga Sabtu.

Dalam amaran dikeluarkan menerusi laman web, Facebook dan Twitter itu, hujan sehingga sederhana

lebat dijangka berlaku di Kelantan, Terengganu dan Pahang. Turut dimuat naik adalah amaran angin kencang dan laut bergelora kategori pertama.

Angin kencang Timur Laut berkecualan 40 hingga 50 kilometer sejam dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter dijangka berlaku di kawasan perairan Condore, Reef North, Layang-Layang dan Pajawan bermula hari ini (Rabu) sehingga Ahad.

Kedua amaran angin kencang dan laut



LIPOT membersihkan lumpur di laman rumah selepas berlakunya banjir di Kampung Seri Sentosa, Bestari Jaya.

IMBAS
Imbas untuk video

SAMBUNGAN...
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 15
TARIKH : 25 NOVEMBER 2015 (RABU)



bergelora itu berbahaya kepada bot kecil, rekreasi laut dan sukan laut.

Sementara itu, taklimat wakil MetMalaysia di majlis Taklimat Peraturan Tetap Operasi Pengendalian Bencana Banjir di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) semalam menjelaskan masih tiada tanda menunjukkan tengkujuh akan tiba dalam waktu terdekat.

Ragaimanapun, tinjauan cuaca jabatan itu menjangkakan luruhan udara sejuk yang lemah bergerak perlahan ke pantai timur Semenanjung bermula hari ini (Rabu).



SAAMAH Basri dan ibunya, Dumung, (kiri) berehat di rumah mereka yang turut mengalami banjir di sekitar Kampung Asahan.



SUKARELAIWAN bergotong-royong membantu membersihkan rumah dan barangan milik penduduk kampung di Kampung Parit Mahang.



Tak lena kalau hujan berterusan

Kuala Selangor: "Saya tidak lena tidur jika hujan berterusan terutama pada waktu malam kerana bimbang air masuk ke rumah," kata penduduk Kampung Seri Sentosa, Bestari Jaya, di sini, Lipot Yunus, 84.

Lipot berkata, dia terpaksa berhempas pulas untuk mengangkat barangannya ketika banjir minggu lalu.

Menurutnya, walaupun tidak mempunyai tenaga yang kuat, namun dia bersama suami Samira Riduan, 82, menggagahkan diri kerana tidak mahu barangan berharga milik mereka ditenggelami air.

"Kami terpaksa berada di rumah dan menunggu sehingga dibawa ke pusat pemindahan kerana tidak dapat bergerak."

"Penat bila berlaku banjir macam ini kerana badan sudah le-

mah selain kebas kaki untuk berjalan dalam air. Tapi saya terpaksa redah untuk keluar dari rumah," katanya ketika ditemui, semalam.

Dia berkata, itu adalah pengalaman terburuk banjir di kampung berkenaan sejak lebih 40 tahun lalu.

Katanya, dia dan suami sering diajak menetap bersama anak namun mereka lebih selesa menetap di rumahnya sendiri.

"Saya berdoa banjir ini surut sepenuhnya dan usaha pihak berkuasa mengatasi masalah ini berjaya supaya penduduk tidak lagi berdepan masalah ini setiap kali musim hujan," katanya.

Kuala Selangor antara daerah yang mengalami masalah banjir ekoran hujan lebat selain 'persembungan' air laut dan air sungai kerana fenomena air pasang besar.

KATEGORI HUJAN

Peringkat kuning



Hujan sederhana dan sekejap boleh menyebabkan kawasan rendah banjir

Peringkat jingga



Hujan sederhana dan lebat berterusan

Peringkat merah



Hujan yang terlampau lebat hingga menyebabkan banjir



LIPOT menjemur pakaian selepas banjir.

Persiapan lebih rapi berdepan kemungkinan bah besar

Kuala Lumpur: Kerajaan membuat persiapan yang lebih rapi tahun ini bagi berdepan kemungkinan banjir besar seperti yang melanda negeri di pantai timur akhir tahun lalu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shahidan Kassim, berkata persiapan itu termasuk mengarahkan pihak berkaitan melaksanakan simulasi banjir di negeri berisiko dilanda bencana itu.

Beliau berkata, simulasi itu berupaya melancarkan operasi membantu dan memindahkan mangsa banjir dengan lebih sistematik, sekali gus memudahkan bantuan disalurkan kepada mangsa.

Amaran kuning

Jabatan Meteorologi sebelum ini sudah mengeluarkan amaran kuning bagi negeri di pantai timur dan kerajaan melalui Agensi Pengurusan Bencana Negara (APBN) bersiap siaga berdepan pelbagai kemungkinan.

"Selain arahan simulasi supaya penduduk dipindahkan dua hari

atau sehari sebelum banjir, pasukan sukarelawan juga sudah dibentuk dan ada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang menawarkan diri bagi membantu sekiranya banjir melanda," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menghadiri Majlis Taklimat dan Pameran Pelan Pengurusan Bencana Banjir kepada Ahli Parlimen dan Pegawai Daerah di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) di sini, semalam.

Kerjasama GLC

Shahidan berkata, kerajaan juga akan melantik syarikat berkaitan kerajaan (GLC) sebagai bapa angkat kepada negeri yang dilanda banjir supaya bantuan dapat disalurkan secukupnya.

"GLC ini akan membantu apa sahaja yang mereka mampu kepada negeri yang menjadi anak angkat mereka. Kita juga sudah mengenal pasti 'hospital udara' iaitu helikopter yang boleh memuatkan 23 orang dalam satu masa," katanya.



Ahmad Shabery bersama Sahidan melihat peralatan perubatan untuk persiapan bencana ketika melawat tapak pameran selepas Taklimat dan Pameran Pelan Pengurusan Bencana Banjir, Kuala Lumpur, semalam.
(FOTOHAZALI KORI/BH)



Nafas Peruntuk RM1 Juta Bantu Mangsa Banjir Tahun Ini

MUAR, 24 Nov (Bernama) -- Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) akan memperuntukkan RM1 juta sebagai persediaan untuk membantu anggota Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di seluruh negara yang menjadi mangsa banjir tahun ini.

Pengerusinya Datuk Seri Saipolbahari Suib berkata tumpuan diberikan kepada negeri-negeri yang sentiasa dilanda banjir khususnya Kelantan, Kedah, Johor dan Pahang bagi meringankan beban mereka yang terlibat.

"Peruntukan kita sediakan, namun akan melihat jumlah kerosakan yang dialami mereka dan kalau yang menjadi mangsa banjir terus bertambah, peruntukan yang disediakan ini juga akan bertambah.

"Semua PPK, Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dan pegawai pertanian perlu memberi laporan banjir di tempat masing-masing supaya semua keperluan dapat ditempatkan di satu pusat pengumpulan termasuk logistik disusun sebelum diagih kepada mangsa banjir," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian Program Jalinan Tani Muar di Dataran Budaya Kampung Parit Tengah Batu 18, Ayer Hitam, Bakri, di sini Selasa.

Turut hadir Pengurus Besar Nafas, Datuk Ab Rahman Ismail dan Pengerusi Peladang Wanita (Peladangnya) Johor, Zarina Mohamed Bain.

Beliau juga menasihatkan petani yang mengusahakan sawah padi agar menuai hasil yang sudah matang dengan kadar segera sebelum musim tengkujuh ini bertambah buruk bagi mengelak mereka mengalami kerugian besar.

"Dapatkan nasihat dan panduan [Jabatan Meteorologi](#) untuk mengetahui keadaan cuaca terkini sebagai panduan bagi mengelak mereka mengalami kerugian," katanya.

Sementara itu, berhubung hanya 5,000 daripada 850,000 anggota PPK yang masih belum melabur dalam Dana Peladang, beliau berkata, ia disebabkan masalah sistem transaksi yang dijangka selesai sehingga akhir tahun ini.

Katanya, ketika ini, anggota PPK perlu ke Ibu Pejabat Nafas di Kuala Lumpur untuk membuat pelaburan kerana tiada sistem yang membolehkan mereka melakukan transaksi di PPK masing-masing.

Beliau berkata masalah itu sedang diatasi membabitkan peruntukan RM7.9 juta bagi menyediakan sistem baharu yang akan membolehkan transaksi keluar masuk dilakukan di setiap PPK.

"Sistem ini akan siap hujung tahun ini sekali gus memudahkan anggota PPK membuat pelaburan," katanya.

-- BERNAMA

Kemaman prepared to face flood season

By NURBAITI HAMDAN
and JASTIN ZACK
newsdesk@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: If there is an award for a district most prepared to face the flood season, Kemaman will win hands down.

The East Coast district in Terengganu now has three helipads complete with global positioning system (GPS) coordinates that will help cut the time to send food and other assistance.

Kemaman MP Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek said that angry folks would often scold the Government and question where were the helicopters during the floods.

"People are unaware that the helicopters need a place to land and it is not easy to find one," he said during a briefing on best practices during flood management to Barisan and Opposition MPs and district officers here yesterday.

The three helipads in Kemaman are located at Batu 14 in Kuala Tayor, Felda Seberang Tayor and Pasir Gajah.

The Agriculture and Agro-based Industry Minister, who won hearts when photos of him being hands-on during the 2013 floods went viral, also said that Kemaman has prepared a tide calendar to reinforce the mindset of preparedness.

The district's Department of Irrigation and Drainage has installed

a web camera near rivers to anticipate overflow.

"We will sound the alarm when the flood hits," he said.

Hospitals were also listing vulnerable patients – including expectant mothers who were due to give birth during the flood season – for contingency plans.

Ahmad Shabery's presentation earned him praise from Minister in the Prime Minister's Department Datuk Seri Shahidan Kassim who described Kemaman's template as "the best".

"Kemaman's standard operating procedure follows the same procedure by the National Security Council.

"But, Kemaman has taken it up

one notch and prepared everything early. They do not have much funds, but they have managed to build the helipads regardless," he added.

Kemaman was the worst hit in Terengganu during the 2012 and 2013 floods.

According to the Malaysian Meteorological Department, Kelantan, Terengganu and Pahang are expected to experience rain tomorrow, with the forecast projecting it to last until Saturday.

The warning is currently labelled as yellow, which means that the department is expecting downpour within one to three days.

For the latest updates on rain conditions, log on to www.met.gov.my.

Fix root causes of flash floods

Local authorities need to conduct regular checks on drainage and construction sites

FLASH floods are becoming increasingly common in the Klang Valley and it seems that every time there is a downpour, several parts of the Klang Valley would be hit.

We should not blame the rain but instead look at the root causes of the flash floods.

The Meteorological Department has confirmed that the level of rainfall in the Klang Valley this week was normal and below the highest daily rainfall recorded previously.

However, there are a number of major construction projects in the Klang Valley and observation reveals that there is no proper drainage in most of these sites.

Although there is some form of drainage, the drains are either too small to accommodate large amounts of water during heavy rain or are clogged by construction debris and silt.

When there is no proper drainage or the drains are silted up and choked with debris and garbage, rainwater will overflow onto roads and low-lying areas during a downpour, giving rise to flash floods.

Early this week, flash floods brought traffic to a standstill in areas such as Kuala



EMAIL metro@thestar.com.my
MAIL The Editor, Metro Mail, Level 3A,
Menara Star, 15, Jalan 16/11, Section 16,
46350 Petaling Jaya.

Letters must carry the sender's full name, address, telephone number and signature. A pseudonym may be included. Letters may be edited for clarity, brevity and other requirements.

Lumpur, Petaling Jaya and Shah Alam.

Dozens of cars were submerged and commuters had to wade through muddy water after the tracks at the Batu Tiga KTM Komuter station in Shah Alam were submerged.

Although most of the floodwaters receded several hours later, the next morning,



Cars submerged in muddy water at the Shah Alam Stadium after the recent downpour. — filepic

employees in Shah Alam were caught in a traffic crawl as some of the roads were still flooded.

This caused a lot of inconvenience to motorists and commuters in the Klang Valley as well as residents in areas with poor drainage maintenance such as those in Bandar Puncak Alam, who had to be relocated following rising water in the area.

Besides the loss of productivity and business hours for employers, employees and business establishments, the damages from flash floods extended to property including furniture, vehicles and electrical items.

The impact from these damages is more pronounced on people in the lower-income group who are already facing hardship due to the increasing cost of living in the city.

Therefore, it is imperative that flash floods are taken seriously by the relevant authorities.

It is essential that proper and efficient drainage and retention ponds exist in flood-

prone areas.

The drains in construction sites should be cleared regularly and maintained properly so that they can function effectively during heavy rain.

It is the responsibility of the local authorities to conduct regular checks on all construction sites, especially those for major infrastructure projects.

Given the serious implications of flash floods, local authorities should not hesitate to take action against project developers who fail to provide proper drainage or implement proper maintenance of the drainage in their construction sites.

Time is of the essence and we need to act now. This is not the quality of life that Klang Valley residents anticipate, especially when Malaysia is only five years shy of developed nation status.

LEE LAM THYE
Kuala Lumpur